



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 65  
No. 2

**26hb Januari 2012**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984

(Act 313)

**No. 147.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 7

NOTIFICATION UNDER SECTION 7

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan tanah seluas 188.97 hektar yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 3978 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Hutan Simpan Kekal dikenali sebagai Hutan Simpan Lepar (Tambahan), Mukim Luit, Daerah Maran mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by section 7 of the National Forestry Act 1984 [Act 313], the State Authority declares that the land comprising an area of 188.97 hectares as delineated upon Survey Plan No. P.W. 3978, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be permanent reserved forest to be known as Lepar Reserved Forest (Additional), Mukim of Luit, District of Maran with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Bertarikh 1 November 2011

Dated 1 November 2011  
[PTG. Phg.(ML).  
16/015/06/01.2008]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pahang/  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 148.**PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 13  
NOTIFICATION UNDER SECTION 13

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan tanah seluas 179.1 hektar, Mukim Lepar, Daerah Pekan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 3976, Lot 5595 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi sebahagian daripada Hutan Simpan Lepar menurut *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 548 yang disiarkan pada 11-2-1921 dikeluarkan daripada Hutan Simpan tersebut dan bahawa tanah itu tidak lagi menjadi hutan simpan kekal mulai tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority declares that the land measuring an area of 179.1 hectares, Mukim Lepar, District of Pekan, as delineated upon Survey Plan No. P.W. 3976, Lot 5595 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which is forming part of Lepar Forest Reserved *vide* the Pahang States Government *Gazette* No. 548 published on 11-2-1921 be excised from the said Reserved Forest and that such land shall cease to be a permanent reserved with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Bertarikh 1 November 2011

Dated 1 November 2011  
[PTG. Phg.(ML).  
16/015/06/01.2008]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pahang/  
*Clerk of Council  
State of Pahang*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)**No. 149.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Noor Atikah binti Mokhtar, Penolong Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 1 Februari 2012 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM80,000.00

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM101,591.34. Nama Pemegang Gadaian ialah Maybank Islamic Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM8,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Ribu sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari 30 Mei 2012 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—20023. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 19626. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 4153/1999. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 3 Mei 2011  
[PTK. 4.5.1.4805 (S)]

*Penolong Pentadbir Tanah  
Kuantan*

**No. 150.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Hamzah bin Ali yang beralamat di 463 Kampung Bonggol Kiri, Cukai Kemaman, 24200 Kemaman, Terengganu, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawa saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Kuantan, pada 9 Februari 2012 (Khamis) jam 3.45 petang bertempat di Kamar Bicara Tingkat Bawah, Unit Pendaftaran.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Karang. No. P.T.—1745 (Lot 3192). Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1725 (G.M. 1087). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1090/1986, Jilid 161, Folio 76. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 9 Januari 2012  
[PTK. 4.5.1.5079 (f)]

SHARIFAH SYAZWANI BINTI SYED SALLEH  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Kuantan*

**No. 151.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Lim Poh Choo dan Tan Nan Seng yang beralamat di 66 Lorong Pelindung 80, Taman Seri Pelindung 1, Jalan Beserah, 25300 Kuantan dan/atau 79 Lorong Seri Pelindung 101, Taman Seri Pelindung II, Jalan Beserah, 25300 Kuantan dan/atau d/a KM Otomobil Sdn. Bhd., 3S 'Dealer' B-2586 & 2588 Jalan Beserah, 25300 Kuantan, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai Malayan Banking Berhad dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Kuantan, pada 7 Februari 2012 (Selasa) jam 3.45 petang bertempat di Kamar Bicara Tingkat Bawah, Unit Pendaftaran.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan (Bandar Kuantan). No. P.T.—42946 (Lot 120 Seksyen 41). Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 36742 (G.M. 1035). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 5113/2004. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 10 Januari 2012  
[PTK. 4.5.1.5044 (S)]

NOOR ATIKAH BINTI MOKHTAR  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Kuantan*

**No. 152.**

(Seksyen 264A)

PENANGGUHAN LELONGAN AWAM

Kepada Yew Ai Lee yang beralamat di 18 Lorong Tas Ria 4, Taman Tas Ria II, 25150 Kuantan dan/atau 20 Jalan Bukit Perdana 46, Taman Bukit Perdana, 83000 Batu Pahat, Johor.

Kepada Pengurus AmBank (M) Berhad yang beralamat di Tetuan K.K. Lim & Associates, Suite 510, Block E, Phileo Damansara 1, 9 Jalan 16/11, 46350 Petaling Jaya, Selangor, tuan punya tanah/pemegang gadai yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi notis bahawa Lelongan Awam bagi tanah/pajakan/pajakan kecil tersebut yang telah ditetapkan pada 28 September 2011 jam 10.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah Kuantan, ditangguhkan.

Dan saya memerintahkan supaya penjualan melalui lelongan awam itu hendaklah diadakan pada 1 Februari 2012 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan dengan harga rizab bagi maksud jualan ialah RM57,000.00.

Sila hadir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—34419 (Lot 41905). Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 31097 (G.M. 20843). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 8410/2003. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 30 Disember 2011  
[PTK. 4.5.1.4843 (S)]

NOOR ATIKAH BINTI MOKHTAR  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kuantan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA